

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1991/92

● Mac/April 1992

HKP 213 - Penulisan Kreatif I

Masa: [2 jam]

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi TUJUH [7] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab EMPAT [4] soalan. SOALAN NO. 1 MESTI dijawab dan TIGA [3] soalan yang lain.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Pilih tiga [3] dari teknik memulakan penulisan novel di bawah ini dan karangkan setiap teknik sebagai contoh dengan menggunakan lebih-kurang 100 perkataan sahaja.
  - (a) Memperkenalkan watak.
  - (b) Memperkenalkan aktiviti.
  - (c) Memperkenalkan suasana.
  - (d) Memperkenalkan latar tempat.
  - (e) Memperkenalkan 'ending' atau episod penamat.
2. 'Realiti magis' merupakan satu penerapan unsur novel baru yang ghairah dilakukan oleh para pengarang Malaysia/luar negeri pada waktu ini di dalam karya-karya mereka. Dengan menggunakan sebuah/atau lebih karya contoh sama ada dari Malaysia atau luar negara, jelaskan apakah yang anda fahami tentang 'realiti magis' ini.
3. Protagonis adalah watak yang terpenting di dalam sesebuah novel. Tunjukkan dengan jelas akan kepentingan tersebut.
4. "Sebuah karya fiksiyen, sama ada cerpen atau novel, mestilah mempunyai ciri-ciri yang lengkap iaitu: cerita, plot, watak, teknik, latar, tema dan masej ..."  
(Laporan Panel Hadiah Karya Sastera 1984/85).

Berikan ulasan anda tentang pernyataan di atas.

.../2

5. Anda tentu sering mendengar tentang berbagai implikasi di dalam sesebuah novel. Dengan mengambil contoh karya dari Malaysia/luar negara, terangkan bagaimana pengarangnya menerapkan dua dari implikasi berikut:

- (a) Implikasi politik.
- (b) Implikasi psikologi.
- (c) Implikasi falsafah.
- (d) Implikasi agama.

-ooo000ooo-